

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(A)45**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM  
YB. SATEES A/L MUNIANDY**

45. Segala usaha untuk memartabatkan kaum wanita di Malaysia yang diusahakan oleh Kerajaan Persekutuan PH selama ini, nampaknya akan gagal, dengan tertubuhnya kerajaan baru, di mana Kementerian Wanita nampak lebih fokus kepada pakaian pramugari dan suara doraemon.
- (a) Adakah hala tuju Pulau Pinang akan memimpin ataupun diselaraskan dengan dasar kerajaan baru dalam keadaan ini?

**YB. CHONG ENG  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B KETUA MENTERI**

45. (a) Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai usaha untuk memartabatkan serta memperkasa golongan wanita di Pulau Pinang. Antara inisiatif yang diambil adalah seperti berikut:
- (i) Kerajaan Negeri pada tahun 2012 telah menubuhkan Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) bagi tujuan

mengarusperdanakan perspektif gender dalam dasar, program dan amalan dalam sektor awam dan swasta. Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri di Malaysia yang mempunyai entiti seumpama PWDC yang dikhaskan untuk pembangunan wanita.

- (ii) Kerajaan Negeri pada tahun 2019 telah meluluskan pelaksanaan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) di setiap 40 KADUN di Pulau Pinang. Jawatankuasa tersebut dianggotai oleh 15 wanita yang bertanggungjawab untuk melaksanakan Program Pembangunan Wanita dan Keluarga. Jawatankuasa ini juga menjadi platform kepada golongan wanita untuk tampil ke hadapan bagi meningkatkan kemahiran kepimpinan. Kerajaan Negeri telah meluluskan pelanjutan pelaksanaan JPWK di setiap KADUN selama dua (2) tahun sehingga tahun 2021. Kelulusan yang diberikan ini menunjukkan sokongan Kerajaan

Negeri dalam agenda pembangunan wanita di Pulau Pinang.

- (iii) Kerajaan Negeri telah menambah penglibatan wanita di bawah pentadbirannya dengan kini mempunyai dua (2) EXCO wanita yang memegang portfolio penting di Pulau Pinang. Selain itu, terdapat enam (6) Ahli Dewan Undangan Negeri dan sembilan (9) Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan yang terdiri daripada golongan wanita.
- (iv) Kerajaan Negeri telah melancarkan Dasar Keterangkuman Gender pada 7 Mac 2019 yang bertujuan untuk menyediakan kerangka yang jelas bagi memastikan golongan wanita dan lelaki mempunyai akses yang sama melalui pengamalan nisbah 40% : 40% : 20% iaitu 40% wanita, 40% lelaki dan 20% terbuka untuk wanita dan lelaki. Pelaksanaan pendekatan ini adalah untuk mengurangkan dominasi satu golongan dalam semua bidang dan membuat keputusan.

- (v) Kerajaan Negeri juga menyediakan sistem sokongan seperti penubuhan dua (2) Pusat Jagaan Kanak-Kanak di Daerah Timur Laut dan Seberang Perai Tengah serta Taska D'Komtar bagi menyediakan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak untuk membantu golongan wanita bekerja. Hal ini menunjukkan keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap golongan wanita di Pulau Pinang.
- (vi) Kerajaan Negeri bersama PWDC akan mengadakan *State Mentorship Programme for Women Entrepreneur* pada suku tahun ketiga tahun 2020 yang menyasarkan usahawan wanita golongan B40 dan M40. Program ini akan menyediakan satu platform kepada usahawan wanita baharu bagi mendapatkan bantuan daripada mentor untuk berjaya dalam perniagaan serta membina rangkaian sokongan usahawan wanita lain. Pelaksanaan program ini adalah selaras dengan strategi inisiatif C2 di bawah Penang2030 iaitu bagi mencapai 40%

usahawan wanita di Pulau Pinang pada tahun 2030;  
dan

- (vii) Kerajaan Negeri mengadakan Majlis Sambutan Hari Wanita Sedunia Peringkat Negeri Pulau Pinang setiap tahun bagi menghargai sumbangan golongan wanita dalam agenda pembangunan negeri Pulau Pinang. Selain itu, Kerajaan Negeri juga mengadakan kempen *Penang Goes Orange* setiap tahun bagi memberikan kesedaran kepada masyarakat untuk membantu menghentikan keganasan terhadap golongan wanita.

Dengan momentum yang telah dicetuskan ini, Kerajaan Negeri akan terus memimpin agenda pembangunan wanita dan keluarga di negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri juga sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan bagi memastikan segala perancangan untuk pembangunan wanita di Malaysia amnya dan Pulau Pinang khususnya dapat dilaksanakan dengan lancar.